

01 NOV 2002

Asean-Persediaan/I

KEMBOJA SIBUK BUAT PERSEDIAAN SIDIANG KEMUNCAK ASEAN

Oleh: Abdul Muin Majid

PHNOM PENH, 1 Nov (Bernama) -- Bandar raya Phnom Penh kini sedang rancak membuat persediaan bagi menyambut ketibaan pemimpin-pemimpin serantau yang menghadiri Sidang Kemuncak ke-8 Asean yang diadakan buat kali pertama di Kemboja sejak ia menyertai kumpulan itu pada 1999.

Menjelang sidang kemuncak dua hari bertema "Towards a Community of Southeast Asian Nations" yang bermula Isnin, pegawai-pegawai kanan Asean telah memulakan siri mesyuarat persediaan manakala kawalan ketat jelas kelihatan di seluruh ibu kota Kemboja.

Pemimpin 10 negara anggota Asean akan disertai rakan sejawat dari China, Jepun dan Korea Selatan bagi Sidang Kemuncak Asean+3 serta perjumpaan berasingan antara Asean dan tiga buah negara berkenaan.

Selain meningkatkan kerjasama ekonomi, Asean dijangka akan memberi tumpuan khas terhadap usaha memerangi keganasan di rantau itu yang dikejutkan oleh kejadian pengeboman di pulau peranginan Bali, Indonesia dan selatan Filipina baru-baru ini.

Pemerhati Asean tentu sekali berminat untuk mengetahui bentuk cadangan yang bakal dikemukakan oleh para pemimpin terbabit bagi menangani isu yang dikatakan telah mengubah sentimen pelabur terhadap Asia Tenggara serta mengurangkan kedatangan pelancong.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini Ahad.

Malaysia dijangka akan terus memujuk rakan-rakannya dalam Asean mengenai keperluan mewujudkan sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur bagi menyelaraskan dan memantau aktiviti dan projek membabitkan Asean dengan tiga kuasa ekonomi Asia Timur itu.

Menurut satu dokumen Sekretariat Asean, Asean dan China akan menandatangani satu rangka perjanjian mengenai kerjasama ekonomi yang akan membuka jalan pembentukan sebuah kawasan perdagangan bebas (FTA) dalam tempoh sedekad.

Cadangan pembentukan FTA Asean-China itu dipersetujui pada sidang kemuncak Asean-China di Brunei pada November tahun lepas.

Selain itu, para pemimpin Asean dan Jepun dijangka akan meluluskan deklarasi meneruskan rangka perjanjian ke arah pembentukan Kerjasama Erat Ekonomi Asean-Jepun.

Asean dan Jepun merupakan rakan dagang penting dengan nilai dagangan berjumlah AS\$108.4 bilion pada tahun lepas.

Asean sementara itu, buat pertama kalinya akan mengadakan sidang kemuncak dengan India yang dilihat sebagai pasaran besar produk Asean selain rakan dagang yang baik.

Sejurus tiba Ahad, Dr Mahathir akan terus ke daerah Chak Angre untuk merasmikan logi tenaga Cambodia Utilities Pte Ltd, sebuah anak syarikat kumpulan Leader Universal Holdings Bhd dari Malaysia.

Perdana Menteri kemudian akan balik ke Phnom Penh untuk bertemu anggota masyarakat Malaysia di Kemboja sebelum menghadiri jamuan makan malam bersama ketua-ketua negara dan pemimpin kerajaan Asean.

Asean dibentuk pada 1967 dengan anggota-anggota asal terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand. Ia disertai kemudiannya oleh Brunei, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja.

-- BERNAMA

MAM ZS RM MOZ